

Dr. M harap Jepun tidak ragui EAEG

JM 1 1 DEC 2003

Daripada
LOKMAN OTHMAN

FUKUOKA 10 Dis. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berharap Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun di Tokyo, esok akan mengikis keraguan Jepun untuk menjadi pemain utama bagi memastikan cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) menjadi realiti.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, Jepun sepatutnya telah lama berperanan demikian tetapi apa yang agak mengecewakan, negara itu seperti senada dengan pendirian negara-negara maju yang kurang senang dengan penubuhan EAEG.

“Sukar untuk difahami keadaan ini berlaku ketika negara-negara di bahagian lain di dunia ini telah pun mewujudkan kerjasama ekonomi serantau masing-masing.

“Ketika Kesatuan Eropah hampir pasti ditubuhkan, EAEG telah pun dicadangkan dan demikiani juga dengan penubuhan Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) yang ditunjangi Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico,” katanya.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan utama di hadapan kira-kira 200 usahawan dan ahli akademik Jepun pada Simposium Masa Depan Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun di Pusat Persidangan Antarabangsa Acros di sini hari ini.

Beliau adalah tokoh tunggal yang diberi penghormatan menyampaikan ucapan utama pada simposium anjuran Kementerian Luar Jepun, akhbar *Mainichi* dan Rangkaian Penyiaran RKB Jepun.

Simposium itu diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN-Jepun yang bermula di Tokyo, Jepun esok.

Malah, kata Dr. Mahathir, Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (Rundingan GATT) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) belum wujud ketika idea mengenai EAEG dikemukakan.

Kini, tambah beliau, pakatan-pakatan tersebut telah berjaya meningkatkan kerjasama masing-masing sedangkan perkembangan EAEG begitu perlahan.

Dr. Mahathir mengingatkan Jepun dan negara-

negara yang tidak senang dengan EAEG bahawa kumpulan tersebut bukan berhasrat untuk menjadi blok ekonomi sebaliknya menjadi platform di kalangan negara-negara anggota mengadakan perbincangan dalam membangunkan ekonomi di rantau Asia Tenggara.

Menurut bekas Perdana Menteri, Jepun sepatutnya tidak menaruh syak wasangka dan ragu di sebalik penubuhan kumpulan berkenaan.

Ini, katanya, kerana apabila menyingkap jatuh bangun negara Jepun sendiri, ia banyak dipengaruhi oleh keyakinan negara-negara Asia Tenggara walaupun kebanyakan negara-negara itu pernah dijajahnya.

“Negara-negara tersebutlah yang bersedia untuk menerima dan memafkan Jepun hinggakan ia merasa selesa di rantau Asia Tenggara berbanding rantau lain,” katanya.

Sementara itu, ketika ditemuramah oleh akhbar *Mainichi* dan Badan Penyiaran RKB di sini hari ini Dr. Mahathir berkata, Jepun berhak mengikuti jejak Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya un-

tuk menghantar tentera pengaman ke Iraq kerana ia merupakan keputusan kerajaan negara itu.

Katanya, keputusan itu adalah mandat yang diberi oleh rakyat Jepun lagi pun sejak dari mula lagi ia menyokong tindakan AS menyerang Iraq.

“Oleh kerana ia menyokong sejak mula, Jepun juga komited mengenai proses mengekalkan keamanan yang ditaja AS,” katanya.

Jepun hari ini memutuskan untuk menghantar di antara 500 hingga 700 orang tenteranya ke Iraq sebagai komitmen mengekalkan keamanan di negara itu.

Menurut Dr. Mahathir, dalam hal ini Malaysia memang berbeza pendapat dengan Jepun.

“Oleh kerana kita tidak menyokongnya, kita tidak pernah terlibat dalam membangunkan Iraq. Bagaimanapun jika kerajaan Iraq yang merdeka mengambil alih sepenuhnya, baru kita akan kaji untuk membangunkan semula tetapi bukan menghantar tentera kita ke sana,” jelasnya. — *Utusan*